



**SEBAHAGIAN** pihak Philea Resort & Spa bersama warga emas dari Rumah Warga Emas Beringin Park, menggaul 'Yee Sang' selepas kunjungan mesra tersebut, baru-baru ini.

## Philea Resort & Spa rai 45 warga emas

BATU BERENDAM 30 Jan. - Seramai 45 penghuni Rumah Warga Emas Beringin Park menerima kunjungan mesra pihak pengurusan Philea Resort dan Spa di sini, baru-baru ini.

Penolong Pengurus Eksekutif Philea Resort dan Spa, Connie Chin berkata, kunjungan itu bertujuan meraikan Sambutan Tahun Baharu Cina (TBC) bersama warga emas yang terukir senyuman di wajah mereka.

Menurutnya, resort terbabit memilih rumah orang-orang tua itu berikutan tidak

banyak pihak luar yang datang menziarahi dan melawat warga emas di rumah tersebut.

"Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) seperti ini diharap dapat mencerikan mereka dalam suasana perayaan.

"Kebanyakan penghuni di sini uzur dan menghidap pelbagai penyakit kronik," katanya selepas mengunjungi Rumah Warga Emas Beringin Park, di sini.

Sementara itu, 15 kanak-kanak dari Taska Premier Montessori Klebang, turut mengadakan persembahan dalam majlis tersebut.